



**BAHAGIAN AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK**

---

**EDARAN DALAMAN 2: KEMASUKAN SEMULA PELAJAR DIPLOMA DAN PERSEDIAAN  
DIPLOMA SAINS KE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK  
(UPMKB) BAGI SEMESTER KEDUA SESI AKADEMIK 2020/2021**

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Untuk makluman, **Semester Kedua Sesi Akademik 2020/2021 bagi program Diploma dan Persediaan Diploma Sains** akan bermula pada **4 Januari 2021** sehingga **9 Mei 2021**. UPMKB telah mengeluarkan edaran dalaman pertama berkaitan kemasukan semula pelajar Diploma dan Persediaan Diploma Sains pada 22 Disember 2020 selaras dengan keputusan Mesyuarat *Emergency Response Team (ERT)* UPM Bil. Ke-62 pada 22 Disember 2020 menyatakan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran pelajar Diploma dan Persediaan Diploma Sains akan dilaksanakan secara bersemuka.

Namun begitu, Bintulu telah diisytiharkan sebagai kawasan zon kuning penularan wabak Covid-19 pada 26 Disember 2020 berikutan 1 kes jangkitan tempatan telah dilaporkan (*Kenyataan Media, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Bil 324/2020*). Sehubungan itu, selaras dengan pertukaran status zon tersebut, **UPMKB memutuskan untuk menangguhkan kemasukan semula pelajar bagi program Diploma dan Persediaan Diploma Sains pada 04 Januari 2021 kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan nanti. Namun begitu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan secara atas talian (online).**

Justeru, bagi pelajar yang telah membeli tiket dan akan kembali sebelum sesi kuliah bermula pada 04 Januari 2021, UPMKB **tiada halangan untuk pelajar kembali ke kampus** namun perlu mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) dan arahan terkini yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak, Jabatan Imigresen Sarawak dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN) berkuatkuasa 14 Disember 2020 seperti butiran di bawah:

Bagi kemasukan dari Semenanjung, Sabah dan Labuan hendaklah:-

- Wajib menjalani kuarantin selama 10 hari di pusat kuarantin yang telah ditetapkan dan kos sepanjang tempoh kuarantin adalah tanggungan sendiri.
- Melaksanakan ujian rt-PCR pada hari kedua dan kelapan tempoh kuarantin berjalan.
- Sekiranya keputusan ujian pada hari kelapan adalah negatif, mereka akan diberikan pelepasan dari pusat kuarantin pada hari ke-10 dan menyambung baki kuarantin di rumah sehingga hari ke-14. *Wristband* akan dipasang.
- Menanggung sendiri kos kuarantin dan ujian rt-PCR kecuali pelajar Sarawak yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

*Sumber: Kenyataan Media JPBN Bil 312/2020, 14 Disember 2020*

Bersama edaran ini dimaklumkan juga anggaran kos yang perlu ditanggung oleh pelajar dari Semenanjung, Sabah dan Labuan yang ingin meneruskan perjalanan untuk kembali ke kampus seperti butiran di bawah:

- Penginapan: RM150 x 10 hari = RM1500
- Ujian rt-PCR: RM150 x 2 kali = RM300

Sehubungan itu, semua pelajar adalah dinasihatkan agar merancang perjalanan dengan baik supaya dapat memudahkan urusan pengajaran dan pembelajaran semula di UPMKB. Sebarang kemaskini kehadiran berhubung kelas pengajaran dan pembelajaran boleh terus menghubungi pensyarah akademik masing-masing. Kemaskini terbaharu berkaitan edaran dalaman akan dimaklumkan kemudian sekiranya ada.

Semoga dengan adanya makluman ini dapat membantu pelajar sebagai persediaan menghadapi semester kedua sesi 2020/2021 yang akan datang dalam situasi penularan wabak COVID-19 yang masih membimbangkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERILMU BERBAKTI"**



**PROF. MADYA DR. SHAHRUL RAZID SARBINI**

Pengarah

Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak

28 Disember 2020